



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	30/4/2019	MUKA SURAT	: 24
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

170 pelajar jayakan Hari Tapir Sedunia 2019

JERANTUT -Sambutan Hari Tapir Sedunia 2019 yang disambut pada 27 April setiap tahun berlangsung meriah di Taman Negara Kuala Tahan, di sini.

Sambutan itu dijayakan oleh 170 pelajar sekolah dari dua sekolah.

Program anjuran Persatuan Ekope-lancongan dan Konservasi Malaysia (Ecomy) itu disertai pelajar Sekolah Menengah (SMK) Kebangsaan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah dan Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Tahan.

Ketua Pegawai Eksekutif Ecomy, Andrew Sebastian berkata, program tersebut turut disertai 30 pelajar Orang Asli dari suku Bateq.

"Kita ingin memberi pendedahan

kepada pelajar-pelajar mengenai spesies tapir dan langkah-langkah pemuliharaan haiwan ini supaya tidak diancam kepupusan.

"Kita telah merangka beberapa aktiviti termasuk membina replika tapir supaya mereka mendapat manfaat daripada program ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sempena pada sambutan Hari Tapir Sedunia 2019 di Mutiara Resort Taman Negara, di sini.

Menurutnya, program tersebut juga bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak rakus meneroka hutan dan menebang balak sehingga memusnahkan habitat tapir.



Sambutan Hari Tapir Sedunia 2019 berlangsung dengan jayanya di Mutiara Resort Taman Negara.